

Tolak elemen maksiat, tonjol pelancongan halal

Oleh Dr Mohamed Rashid Ab Razak

Isu tular baru-baru ini mengenai hidangan arak dalam satu majlis rasmi anjuran sebuah Kementerian yang dihadiri menteri, menimbulkan pelbagai reaksi dalam masyarakat.

Walaupun tujuan majlis itu mungkin untuk meraikan tamu antarabangsa dan memperkukuh sektor pelancongan, penyediaan minuman keras dalam acara rasmi kerajaan telah mencetuskan perdebatan besar tentang sensitiviti agama, imej kepimpinan, dan arah dasar pelancongan negara.

Dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara Islam menjadikan Islam agama Persekutuan menurut Perkara 3(1) Perlembagaan, setiap acara rasmi kerajaan sewajarnya mencerminkan nilai dan adab Islam.

Hal ini penting bukan hanya untuk menjaga sensitiviti umat Islam, tetapi menegaskan Malaysia mempunyai identiti pelancongan unik berteraskan nilai moral dan budaya yang harmoni.

Islam menolak segala bentuk keberadaan minuman keras, bukan sekadar perbuatan meminumnya. Firman Allah SWT: *"Wahai orang beriman, sesungguhnya arak, judi, berhala dan menilik nasib adalah najis amalan syaitan. Maka jauhilah ia supaya kamu beroleh kejayaan"*. (Surah al-Ma'idah, ayat 90)

Rasulullah SAW juga bersabda Allah melaknat 10 golongan mempunyai kaitan dengan arak termasuk mereka yang menghidang, menjual, membeli serta merestuinnya (HR Abu Daud).

Hadis ini menunjukkan tanggungjawab menjauhi arak tidak terhad kepada peminum sahaja, tetapi meliputi semua bentuk sokongan atau pengiktirafan terhadap penggunaannya.

Dalam disiplin usul al-fiqh, prinsip 'saddu al-zarai' menegaskan keperluan menutup segala jalan boleh membawa kepada kemungkaran, fitnah atau perbuatan boleh menjejaskan imej Islam.

Dalam Islam, kepemimpinan bukan sekadar posisi pentadbiran tetapi suatu amanah moral. Sabda Rasulullah SAW: *"Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan ditanya kepemimpinannya"* (HR Bukhari dan Muslim).

Oleh itu, seorang pemimpin perlu memelihara bukan sahaja dasar dan keputusan, tetapi simbol dan mesej tersirat dalam setiap tindakannya. Kehadiran seorang menteri dalam majlis rasmi menghidang arak boleh menimbulkan persepsi bahawa nilai Islam boleh dikompromi atas alasan diplomasi atau ekonomi.

Kepimpinan bijak ialah memelihara kehormatan Islam sambil menunjukkan keterbukaan dan kebijaksanaan dalam hubungan antarabangsa. Dalam

masyarakat majmuk seperti Malaysia, kepekaan terhadap isu agama menjadi kunci kepada keharmonian dan kepercayaan rakyat.

Potensi sektor pelancongan di Malaysia tidak wajar diukur melalui sejauh mana kita membuka ruang kepada budaya bercanggah dengan nilai tempatan, termasuk penjualan arak secara terbuka.

Hakikatnya, kekuatan pelancongan sesebuah negara terletak pada keunikan identiti, nilai dan keindahan budaya dibawa bukan sejauh mana ia meniru gaya hidup Barat. Dalam konteks ini, konsep pelancongan halal dan patuh syariah menawarkan naratif alternatif lebih berprinsip dan mampan.

Ia bukan sekadar pelancongan bagi umat Islam, tetapi satu model pembangunan pelancongan berteraskan nilai sejagat seperti kebersihan, keselamatan, etika dan kesejahteraan.

Pelancongan halal menggabungkan nilai Islam dalam penyediaan perkhidmatan pelancongan termasuk makanan halal, kemudahan ibadah, hiburan beretika dan suasana mesra keluarga.

Konsep ini bukan idea baharu, sebaliknya menjadi amalan berjaya di banyak negara Islam seperti Turkiye, Indonesia dan Emiriah Arab Bersatu (UAE), menawarkan pengalaman pelancongan selamat, bersih dan bere-

tika tanpa minuman keras atau hiburan tidak bermoral.

Menurut laporan *Market Research Future* (2024), pasaran pelancongan halal global dianggarkan bernilai AS\$ 265.5 bilion dan dijangka berkembang kepada AS\$ 480.9 bilion menjelang 2035, menjadikannya antara segmen paling pesat dalam industri pelancongan dunia.

Malaysia pernah dan terus diiktiraf sebagai peneraju utama dunia dalam sektor ini. Dalam Indeks Pelancongan Muslim Global (GMTI) diterbitkan *Mastercard-CrescentRating*, Malaysia mengekalkan kedudukan sebagai destinasi pelancongan mesra Muslim nombor satu dunia selama beberapa tahun berturut-turut termasuk 2024 dan 2025.

Pengiktirafan ini bukan kebetulan, sebaliknya hasil usaha berterusan Islamic Tourism Centre (ITC) di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) untuk memperkukuh ekosistem pelancongan patuh syariah negara.

Kekuatan Malaysia terletak pada faktor seperti pilihan makanan halal meluas, kemudahan solat di tempat awam, penginapan mesra Muslim dan persekitaran selamat serta mesra keluarga.

Ciri-ciri ini menjadikan Malaysia bukan sahaja destinasi popular dalam

kalangan pelancong Muslim, tetapi menarik kepada pelancong bukan Islam yang mencari pengalaman pelancongan tenang, bersih, dan beretika.

Arak, secara prinsip dan amalan, bukan simbol kemajuan mahupun keunikan sesebuah destinasi. Banyak negara maju seperti Jepun dan Korea Selatan berjaya membina industri pelancongan global tanpa menjadikan alkohol sebagai elemen utama promosi.

Nilai syariah dengan kemodenan

Dalam konteks Malaysia, pelancongan halal membuka peluang ekonomi yang luas termasuk kepada sektor makanan dan minuman (F&B), hospitality, kesihatan, fesyen, serta pendidikan pelancongan.

Model pelancongan sebegini bukan sahaja menguntungkan ekonomi, tetapi memperkukuh imej Malaysia sebagai negara Islam progresif berjaya menghubungkan nilai syariah dengan kemodenan.

Pelancongan halal juga mempunyai kesan sosial positif, memperkukuh keharmonian antara pelancong dan komuniti tempatan, mengurangkan konflik budaya dan menggalakkan persekitaran mesra keluarga serta beradab.

Pendekatan ini seiring dengan visi Malaysia MADANI yang menekankan pembangunan seimbang antara kemajuan ekonomi, sosial, dan moral. Maka, majlis rasmi kerajaan perlu bebas daripada sebarang bentuk promosi arak, hiburan melampau atau simbol bercanggah dengan prinsip moral.

Dalam Islam, prinsip tasamuh (toleransi) bermakna meraikan perbezaan tanpa menjejaskan hukum. Pengunjung masih boleh meraikan tetamu bukan Islam dengan penuh hormat melalui menu antarabangsa tanpa arak, persembahan budaya tempatan dan suasana menggambarkan Malaysia negara beradab dan mesra.

Pendekatan ini bukan sahaja memelihara imej Islam, tetapi memperkukuh reputasi Malaysia sebagai pelopor pelancongan halal dan negara menyeimbangkan kemodenan dengan nilai spiritual.

Isu hidangan arak di majlis rasmi bukan sekadar soal minuman, tetapi soal identiti dan prinsip. Sebagai negara Islam progresif, Malaysia perlu menunjukkan kemajuan ekonomi dan pematuhan syariah tidak bertentangan, malah saling melengkapi.

Setiap menteri walaupun bukan beragama Islam, tetap memikul tanggungjawab moral dan etika sebagai anggota kerajaan berkhidmat dalam sebuah negara meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan.

Seorang menteri bukan sekadar pentadbir dasar, tetapi cerminan nilai dan identiti kerajaan. Maka, setiap tindakan khususnya dalam majlis rasmi perlu menunjukkan kepekaan terhadap prinsip Islam dan menghormati sensitiviti umat Muslim.

“**Malaysia bukan sahaja destinasi popular dalam kalangan pelancong Muslim, tetapi menarik kepada pelancong bukan Islam yang mencari pengalaman pelancongan tenang, bersih, dan beretika**”

